

## Barang keperluan asas di Negeri Sembilan mencukupi

April 3, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**SEREMBAN, 3 April** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPDNHEP Negeri Sembilan berijamin bahawa barang keperluan asas mencukupi sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Kedua.

Ketua Pegawai Penguatkuasanya, Johary Yacob menyeru penduduk di negeri itu supaya tidak membuat pembelian panik.

Sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP, pihaknya telah menerima 37 aduan termasuk 22 aduan berkaitan kenaikan harga topeng muka.

Daripada jumlah itu, 2 kes telah dikompaun sebanyak RM10,000 bagi setiap kes.

Pihak KPDNHEP Negeri Sembilan menugaskan 120 pegawai dan penguatkuasa bagi membuat pemantauan sepanjang tempoh PKP bagi memastikan rakyat terus mendapat bekalan keperluan asas.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/17240-barang-keperluan-asas-di-negeri-sembilan-mencukupi>